

23 AUG 2001

Umno-Pahang

DATUK FAISAL WAJAR LEPS JAWATAN SETIAUSAHA BN, KATA ADNAN

KUANTAN, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Faisal Abdullah, naib ketua Umno bahagian Kuantan yang dilucutkan jawatannya oleh Lembaga Disiplin parti kerana didapati terbabit dalam politik wang, mungkin akan kehilangan satu lagi jawatan yang disandangnya - Setiausaha Kerja Barisan Nasional.

Pengerusi Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Adnan Yaakob bila ditanya mengenai kedudukan Faisal itu berkata: "Kalau exco pun hilang jawatan (exco Kedah Datuk Zainal Mohamed Isa) saya rasa tidak wajar Setiausaha Kerja BN hendak pegang juga.

"Dia (Faisal) boleh bergiat dalam bidang lain buat sementara waktu ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian SeMalaysia di sini hari ini.

Zainal telah dilucutkan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Baling oleh Lembaga Disiplin sebelum ini dan berikutan itu melepaskan jawatan anggota Exco negeri Kedah.

Faisal yang meraih pencalonan tertinggi bagi jawatan ketua Umno bahagian Kuantan, digantung haknya untuk memilih, dipilih dan dilantik bagi sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dari 26 Mei hingga 25 Mei 2007.

Selain Faisal, dua lagi anggota bahagian itu yang turut dikenakan tindakan ialah Ketua Umno Cawangan Indera Mahkota 3, Abas Kassim dan Ketua Umno Cawangan Beserah Mohamed Zahar Mohamed Sohor @ Mat Nor.

Adnan yang juga Menteri Besar Pahang berkata keputusan terhadap ketiga-tiga anggota Umno bahagian Kuantan itu tidak perlu dipertikaikan, lebih-lebih lagi kenyataan Faisal sendiri bahawa selaku anggota parti yang setia, beliau (Faisal) menerima keputusan itu dengan hati terbuka.

"Kalau kita mahu perkukuhkan parti dan mahu parti dihormati orang ramai, kita kena ada peraturan yang kemudiannya dikuatkuasakan. Jika ada tindakan yang perlu diambil, kita kena terima tindakan yang dikenakan itu," tegas beliau.

Bagaimanapun, Adnan berkata beliau akan menunggu arahan selanjutnya daripada Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Majlis Tertinggi mengenai Umno Bahagian Kuantan.

Ini kerana berikutan siasatan terhadap beberapa anggota bahagian itu mengenai rasuah wang, persidangan perwakilan Umno bahagian Kuantan telah ditangguhkan oleh MT hingga ke hari ini.

Adnan berkata semua anggota jawatankuasa Umno bahagian Kuantan yang lama, kecuali tiga anggota yang dikenakan tindakan disiplin itu, akan dipanggil bermesyuarat minggu depan dipengerusikan oleh beliau.

Menurutnya beliau telah mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa bahagian Kuantan kira-kira seminggu sebelum menyertai rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yemen baru-baru ini.

Kesemua mereka, termasuk Pemuda, Wanita dan ketua-ketua cawangan bersetuju agar beliau mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa bahagian itu.

-- BERNAMA

ROS RON